

22.10.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

PEMBAIKAN SALURAN PAIP AIR 900MM DI JALAN BUKIT GAMBIR: KERJA-KERJA BERJAYA DISELESAIKAN MENGIKUT JADUAL

- Perkhidmatan bekalan air dipulihkan di kawasan Jalan Bukit Gambir ke Bayan Lepas secara berperingkat-peringkat, bermula jam 10.00 malam tadi (21.10.2015).
- Perkhidmatan bekalan air ke kawasan-kawasan tinggi dan di hujung saluran agihan juga dipulihkan seperti yang dijadualkan pada jam 10.00 pagi hari ini (22.10.2019).

PULAU PINANG, Selasa, 22.10.2019: Bekalan air kepada kira-kira 200,000 orang di kawasan selatan Pulau Pinang dipulihkan seperti dijadualkan.

Perkhidmatan bekalan air kepada pengguna-pengguna di 15 kawasan berikut telah dapat dipulihkan secara berperingkat-peringkat, bermula jam 10.00 malam semalam (21.10.2019), selepas mengalami gangguan bekalan air berjadual 12 jam:

1	Jalan Bukit Gambir dan Jalan Tun Dr. Awang	8	Taman Bukit Jambul (Blocks A - F)
2	Ashley Green	9	Sungai Ara, hingga Kompleks Tabung Haji
3	Minden Heights		
4	Universiti Sains Malaysia (USM)	10	Relau
		11	Sungai Batu
5	Jalan Ketitir	12	Sungai Tiram
6	Jabatan Pendidikan dan SMK Bukit Jambul	13	Kampung Binjai
		14	Bayan Lepas

7	Desa Golf Condominiums, Persiaran Bukit Jambul	15	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
----------	---	-----------	---

Sementara itu, sehingga jam 10.00 pagi ini (22.10.2019) perkhidmatan bekalan air di 4 kawasan tinggi dan hujung saluran agihan berikut pulih selepas mengalami gangguan bekalan air berjadual 24 jam:

1	Persiaran Kelicap (Bayan Lepas)	3	Teluk Kumbar
2	Gertak Sanggul	4	Bukit Penara (Balik Pulau)

Kerja pembaikan pada saluran paip 900mm di Jalan Bukit Gambir selesai

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa melaksanakan gangguan bekalan air berjadual semalam (21.10.2019) untuk menjalankan kerja-kerja membaiki saluran paip 900mm keluli lembut (MS) yang pecah di Jalan Bukit Gambir.

Satu segmen saluran paip itu telah pecah pada 15.10.2019, menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual semalaman sehingga 16.10.2019. Saluran paip ini adalah komponen utama rangkaian saluran air yang mengagihkan air ke kawasan selatan bahagian pulau.

Disebabkan hujan dan kedalaman segmen yang rosak, PBAPP menangguhkan kerja pembaikan sehingga semalam, bagi mengurangkan kesulitan kepada pengguna air.

Semalam, kerja-kerja pembaikan di segmen paip pecah (dipasang di bawah jalan bersebelahan kompleks perniagaan Pallazia) bermula jam 10.00 pagi. Tiga injap air utama ditutup untuk mengasingkan dan mengeringkan segmen saluran paip. PBAPP perlu memasang cerucuk keping untuk memastikan persekitaran kerja selamat untuk menjalankan kerja pembaikan.

Kerja pembaikan berjaya disiapkan mengikut jadual, dalam tempoh 12 jam.

Petunjuk prestasi utama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk gangguan bekalan air berjadual yang melibatkan saluran paip dengan diameter melebihi 600mm ialah 48 jam.

Dalam hal ini, pasukan PBAPP memulihkan bekalan air untuk kira-kira 200,000 pengguna dalam tempoh 12 hingga 24 jam. Pencapaian ini adalah kerana kerja keras dan komitmen berpasukan PBAPP, yang berdedikasi bagi meminimumkan kesulitan kepada pengguna air Pulau Pinang.

Harap maklum bahawa gangguan bekalan air berjadual semalam adalah disebabkan saluran paip yang pecah. Walau bagaimanapun, saluran paip perlu diperbetulkan, untuk memulihkan tekanan air, mengurangkan kehilangan air dan menstabilkan semula sistem agihan air terawat.

PBAPP berterima kasih kepada semua pengguna air yang terjejas kerana kesabaran, pemahaman dan kerjasama mereka dengan menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan ketika gangguan bekalan air berjadual.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my





